

LAMAN SESAWANG REKOMENDASI PERLANCONGAN “MALAYSIA TRIP”

WAN AISYAH BALQIS BINTI WAN MOHD BADRI
NUR FAZIDAH ELIAS (Dr.)

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Gelombang era yang semakin membangun membuatkan ekonomi kini semakin pesat di Malaysia. Ramai golongan pekerja semakin sibuk dengan mengejar cita-cita mereka akan tetapi mereka juga memerlukan rehat dari bekerja. Akan tetapi, kesibukkan yang melanda membuatkan mereka tiada masa untuk merancang percutian mereka. Ada juga golongan yang tidak tahu untuk membuat sesuatu perancangan dan takut apa yang dirancang tidak seperti yang diinginkan.

Laman sesawang ini adalah untuk membantu golongan tersebut dalam merancang percutian mereka dengan teratur mengikut apa yang digemari dan mengikut kesesuaian identiti mereka dengan mengatur jadual yang bersesuaian dengan pilihan yang dipilih oleh pengguna. Laman ini dapat membantu pengguna dalam menghasilkan jadual percutian yang teratur dan sistematik.

1 PENGENALAN

Setelah pandemik yang melanda Malaysia pada tahun lepas, kebanyakan sektor pelancongan semakin merosot disebabkan arahan penyekatan untuk kemana-mana bagi mengelakkan wabak tersebut berleluasa. Selepas 8 Oktober 2021, kerajaan memberi kelonggaran untuk merentas negeri dan ramai berkobar-kobar untuk merancang percutian mereka. Akan tetapi kebanyakan pengguna tidak terdedah kepada tempat atau makanan yang baharu kerana sudah lama tidak ke mana-mana.

Pada era globalisasi kini, perlancongan merupakan aktiviti yang digemari oleh setiap individu kerana dengan melancong mereka dapat melepaskan tekanan dari kerja seharian mereka dengan membuat aktiviti yang digemari atau berehat dan mereka juga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan, persahabatan dan lain-lain. Melancong juga adalah perkara yang sangat bagus untuk terus diamalkan tidak kira kemana destinasi yang dituju. Dengan teknologi yang semakin berkembang, pelbagai kemudahan yang disediakan bagi memudahkan perjalanan percutian mereka seperti contoh wujudnya penerbangan tambang murah, aplikasi dan laman sesawang yang memudahkan pengguna untuk merancang percutian mereka.

Akan tetapi perancangan tanpa hala tuju yang betul dapat membuatkan sesuatu percutian kekurangan sesuatu dari segi aturan masa yang tidak tepat, membuat aktiviti yang tidak sesuai dengan had umur atau kemampuan mereka dan pemilihan tempat penginapan yang tidak strategik. Tambahan pula, pendedahan kepada tempat-tempat semulajadi yang ternyata indah tidak banyak diketahui orang. Dengan cadangan penghasilan laman sesawang ini dapat

meningkatkan lagi sektor perlancongan di dalam Malaysia kerana laman ini akan mengumpul data tempat-tempat semulajadi yang baru diterokai di setiap negeri di Malaysia.

2 PENYATAAN MASALAH

Golongan pekerja yang tiada masa untuk membuat perancangan dengan mencari destinasi perlancongan yang ingin dituju kerana kesibukkan bekerja dari siang hingga malam. Laman sesawang yang tidak mempunyai rekomendasi yang mencukupi dapat memeningkan individu dalam membuat perancangan dimana pemilihan penginapan, rekomendasi tempat menarik di sesebuah negeri dan rekomendasi restoran terbaik adalah tidak di satu tempat membuatkan mereka susah untuk mengatur masa dan perjalanan ke sesuatu tempat dan ini menyebabkan ramai pelancong menghabiskan masa mereka hanya di dalam kenderaan.

Seterusnya, tempat yang baru dibuka tidak diperkenalkan membuatkan pengguna hanya pergi ke tempat yang biasa dituju sebelum pandemik ini bermula.

Selain itu mengunjungi tempat yang tidak sesuai dengan golongan kanak-kanak atau warga emas juga boleh mendatangkan bahaya dan kecederaan. Ini juga dapat membuat sesuatu percutian menjadi trajedi yang tidak diingini. Di samping itu, kekurangan atau terlebih penggunaan bajet dalam satu percutian juga membawa masalah besar kepada pelancong.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Projek ini bertujuan menghasilkan laman sesawang yang dapat membantu pengguna dalam merancang percutian mereka. Selain itu, dapat membantu pengguna membuat perancangan perlancongan dari segi bajet untuk mengembara ke sesuatu tempat dan dapat meningkatkan sektor perlancongan di Malaysia

4 METOD KAJIAN

Kajian ini dibangunkan menggunakan Model Air Terjun yang mudah untuk difahami dan digunakan. Dengan menggunakan kaedah ini, setiap fasa harus dilengkapkan sebelum fasa seterusnya dimulakan. Di penghujung setiap fasa, penilaian dibuat bagi memastikan projek berjalan seperti yang dirancang.

4.1 Fasa Perancangan

Segala keperluan dan infomasi yang ingin dipaparkan di dalam sistem akan di catat di dalam fasa ini dan akan didokumentasikan di dalam dokumen yang spesifik. Fasa ini akan mengumpulkan data di setiap tempat termasuk penginapan, tempat makanan dan tempat menarik bagi sesuatu negeri. Proses ini dilakukan dengan mencari infomasi tentang setiap negeri, ulasan dari pengguna yang sudah pergi ke tempat tersebut dan membuat tinjauan dengan pengurus sesuatu tempat tersebut.

4.2 Fasa Analisis

Segala keperluan spesifikasi yang sudah dikumpulkan di fasa pertama akan dikaji dan disitu fasa rekabentuk akan terhasil. Disini merupakan fasa dimana rekabentuk laman sesawang dirangka dan bagaimana kegunaan laman ini akan dijalankan. Sebagai contoh pengguna boleh memilih tempat yang ingin dituju dan di akhir laman akan memaparkan entiti perjalanan termasuk bajet yang perlu pengguna sediakan. Fasa ini dapat mengenalpasti susun atur keseluruhan sistem.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Dari input yang diperolehi dari fasa rekabentuk, sistem akan terhasil di dalam sesebuah program kecil yang dipanggil unit. Setiap soalan dan data yang dikumpul akan di kumpulkan di fasa ini dan sistem akan dijalankan. Disini akan berkait rapat dengan fasa seterusnya dimana ia akan menganalisis keberkesanannya di fasa ujian.

4.4 Fasa Implementasi

Fasa ini membincangkan tentang aspek pembangunan dan implementasi sistem yang dibangunkan. Segala sistem-sistem kecil akan digabungkan untuk menjadi sebuah sistem besar yang dapat mencapai objektif kajian. Fasa ini penting dalam menentukan kelemahan sistem selepas proses implementasi.


4.5 Fasa Pengujian

Segala unit yang dihasilkan dan dibangunkan di fasa pelaksanaan akan diuji di fasa ini. Dengan adanya fasa ini, kita dapat mengenal pasti sekiranya fasa pembangunan yang telah dibuat sebelum ini mempunyai masalah ataupun tidak. Selain itu, fasa ini juga dapat memastikan apa yang telah kita rancang, berjaya dilaksanakan ataupun tidak.

5 HASIL KAJIAN

Sistem Malaysia Trip dibangunkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP dan HTML, dan penyimpanan data terletak di MySQL dan server *localhost*. Perisian yang digunakan ialah Sublime Text Editor.


Bagi fungsi mendaftar, pengguna diharuskan mengisi nama, email dan katalaluan. Selepas menekan butang '*Register Now*', data akan dimasukkan ke dalam MySQL dan sebuah *folder* bagi pengguna tersebut akan wujud di dalam pautan. Rajah 1 menunjukkan antara muka bagi mendaftar akaun pengguna.



The image shows a registration form with the following elements:

- REGISTER NOW** (Title)
- enter your name (Text input field)
- enter your email (Text input field)
- enter your password (Text input field)
- confirm your password (Text input field)
- Register Now** (Submit button)
- already have an account? [login now](#) (Link)

Rajah 1 Antara muka mendaftar akaun



REGISTER NOW

password not matched!

enter your name

enter your email

enter your password


confirm your password

Register Now

already have an account? [login now](#)

Rajah 2 Antara muka apabila mendaftar akaun tidak Berjaya

Jika pengguna memasukkan kata laluan yang tidak sama bagi kedua-dua borang mendaftar kata laluan, sistem akan memaparkan mesej kata laluan tidak sepadan seperti rajah 2 di atas



LOGIN NOW

enter your email

enter your password

Login Now

Don't have an account? [register now](#)

Rajah 3 Antara muka log masuk

Pengguna akan dibenarkan log masuk ke dalam laman sesawang sekiranya sudah mendaftar akaun. Sekiranya masih belum mendaftar, mesej yang mengatakan log masuk tidak berjaya akan dipaparkan seperti dalam Rajah 4.

LOGIN NOW

incorrect email or password!

enter your email


enter your password

Login Now

Don't have an account? [register now](#)


Rajah 4 Antara muka apabila log masuk tidak berjaya

Pengguna yang berdaftar akan dibawa ke antara muka laman utama Malaysia Trip seperti yang ditunjukkan di rajah 4



Rajah 4 Antara muka laman utama Malaysia Trip

Bagi fungsi memilih negeri dan tempat menarik, pengguna menekan butang nama negeri yang ingin dituju dan sistem akan membawa ke laman tempat menarik yang ada di negeri yang dipilih. Pengguna boleh memilih tempat dengan menekan butang 'Add to Wishlist' dan data tempat yang dipilih akan dimasukkan ke dalam butang 'Wishlist' yang berada di bahagian atas kanan antara muka tersebut. Nombor yang dipaparkan di sebelah butang 'Wishlist' menunjukkan bilangan tempat menarik yang sudah dipilih pengguna. Rajah 5 menunjukkan antara muka laman tempat menarik



Rajah 5 Antara muka tempat menarik

Bagi fungsi paparan jadual, tempat yang sudah dipilih pengguna sudah disimpan di bahagian 'Wishlist' pengguna menekan butang 'Wishlist' dan sistem akan memaparkan antara muka senarai tempat yang sudah dipilih oleh seorang pengguna. Jadual yang dipaparkan menunjukkan gambar tempat, nama, waktu yang dapat dihabiskan di satu tempat, penerangan bajet yang dihabiskan di satu tempat dan bajet keseluruhan di satu tempat. Butang 'Delete'

yang berada dibahagian akhir jadual adalah fungsi untuk membuang senarai tempat yang tidak ingin dituju pengguna. Jika ingin membuang keseluruhan tempat yang dipilih, pengguna boleh terus menekan butang 'Delete all'. Jumlah bajet bagi seluruh tempat yang dipilih dapat dilihat di bahagian bawah jadual yang dinamakan 'Grand Total'. Rajah 6 menunjukkan antara muka jadual perjalanan

Image	Name	Time Spent	Budget Description	Total Price	Action
	Petronas Twin Tower	1 Hour	Ticket-RM 20 Food-RM 25 Souvenirs-30-40	RM90	
	Berjaya Times Square	1 Day	Ticket-RM35, Food-RM20, Shopping-RM0-100	RM200	
	Genting Highland	1 Day	Ticket SkyWorld-RM150, Food-RM30, Shopping-RM0-100, Cable Car-RM30 Two Way	RM350	
Grand Total				RM640	

Rajah 7 Antara muka jadual perjalanan

Jika pengguna ingin mencari kata kunci bagi sesebuah tempat, di bahagian pencarian pengguna boleh memasukkan nama atau aktiviti yang ingin dilakukan dan sistem akan memaparkan butiran yang dicari pengguna di rajah 8.

Malaysia Trip

Home State Search Logout Wishlist

Search

Search for...

Search

Rajah 8 Antara muka carian kata

6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, laman sesawang Malaysia Trip menggunakan perisian XAMPP dan phpMyAdmin telah berjaya dibangunkan dalam tempoh masa yang dirancang mengikut setiap fasa metod kajian (Model Air Terjun) seperti yang dibincangkan di dalam Bab 1. Dengan itu, pembangunan laman sesawang ini diharapkan dapat menyelesaikan dan membantu pengguna yang mengalami kesulitan untuk merancang jadual perjalanan mereka di setiap negeri di Malaysia. Kesulitan yang dialami dari segi masa dapat dibendung dengan kewujudan laman sesawang ini. Tidak dinafikan laman sesawang ini mempunyai kelebihan dan kelemahan, namun dengan melakukan soal selidik pengguna akan meningkatkan prestasi dan fungsi yang terdapat di dalam laman sesawang yang berlandaskan keperluan pengguna.

7 RUJUKAN

Laman Web - Difference between waterfall methodology and agile. 2021.
<https://ms.weblogographic.com/difference-between-waterfall-methodology-and-agile-11952>

w3schools.com. 1999. W3schools.com. <https://www.w3schools.com/html/> [19 July 2022]

Wan Aisyah Balqis binti Wan Mohd Badri (A175074)
Nur Fazidah Elias (Dr.)
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Copyright@FTSM
UKM